MUHAMMADIYAH ASSOCIATION
14 Jalan Selamat, Singapore 418534 Tel: 6242 7388 Fax: 6449 2781
Societies Act 2273 • Charities Act 0659 • UEN S58SS0020C

**KENYATAAN MEDIA** Ref. No: MA/HQ/21/05-01
12 Mei 2021 / 30 Ramadan 1442

**PERSATUAN MUHAMMADIYAH MENGUTUK KEGANASAN DI BAITUL MAQDIS**

1. Perkembangan mutakhir di Baitul Maqdis mencetuskan kebimbangan di kalangan masyarakat dunia.

2. Serangan ke atas Masjid Al-Aqsa dengan menjadikan orang awam sebagai sasaran merupakan suatu penghinaan terhadap nilai-nilai kemanusiaan.

3. Apa sahaja tindakan ganas dan tidak berperikemanusiaan sama sekali tiada tempat di muka bumi ini dan hanya akan menyulitkan proses pendamaian dan keharmonian.

4. Pastinya mereka yang berkelakuan zalim wajar diingatkan akan kekuatan doa orang-orang yang mereka zalimi. Rasulullah ﷺ bersabda: "Dan berhati-hatilah terhadap doa orang yang terzalimi, karena tidak ada penghalang antara doanya dengan Allah" (Riwayat Bukhari)

5. Muhammadiyah mengajak masyarakat Islam di Singapura untuk mendoakan agar mereka yang cedera mendapat kesembuhan manakala yang dizalimi pula mendapat keadilan secepatnya. Sesuai dengan sabda Rasulullah ﷺ : "Tidaklah seorang muslim berdoa untuk saudaranya yang tidak di hadapannya, melainkan malaikat yang ditugaskan kepadanya berkata : "Amin, dan bagimu seperti yang kamu doakan". (Riwayat Muslim)

6. Semoga keamanan dikembalikan dan keadilan ditegakkan di Baitul Maqdis.